

A. PELAKSANAAN DAN PENGURUSAN PROJEK

1. Penyebut Harga hendaklah menyediakan Pasukan Pengurusan Projek untuk mentadbir, mengawalselia dan memberikan khidmat nasihat serta memastikan projek dilaksanakan di dalam tempoh yang ditetapkan.
2. Berikut adalah cadangan jadual pelaksanaan dan pengurusan projek yang diperlukan oleh pembekal.

JADUAL 1: CADANGAN JADUAL PELAKSANAAN & PENGURUSAN PROJEK										
JANUARI – DISEMBER 2023										
FASA	1			2			3			
PERKARA/ BULAN	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
1. Syarikat yang diperakukan eSPO	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000	2,000
2. Laporan Output dari Pembekal	Laporan Output 1	Laporan Output 2	Laporan Output 3	Laporan Output 4	Laporan Output 5	Laporan Output 6	Laporan Output 7	Laporan Output 8	Laporan Output 9	Laporan Output 10
3. Pembayaran kepada Pembekal	Bayaran 1	Bayaran 2	Bayaran 3	Bayaran 4	Bayaran 5	Bayaran 6	Bayaran 7	Bayaran 8	Bayaran 9	Bayaran 10

B. DOKUMENTASI LAPORAN

1. Pembekal **WAJIB** menyediakan dokumentasi laporan yang diperlukan untuk menyokong urusan perolehan dan kontrak perkhidmatan ini.
2. Laporan lengkap perlu dihantar pada setiap bulan bagi membolehkan pembayaran dilakukan bagi setiap output yang telah siap.
3. Jika sekiranya pembekal telah menyiapkan kerja-kerja pembekalan terlebih awal, pembekal perlu memaklumkan kepada pihak sekretariat bagi urusan pembayaran pada perkhidmatan yang telah dibekalkan.

C. PERBINCANGAN/ MESYUARAT

1. Pembekal secara proaktif, **WAJIB** memanggil dan mengadakan perbincangan/ mesyuarat sekiranya terdapat isu yang timbul sepanjang tempoh pelaksanaan ini.

D. PEMBAYARAN

1. Pembekal bersetuju untuk menerima bayaran setelah perkhidmatan disempurnakan secara *output-based* iaitu sebanyak 10 kali pembayaran dalam tempoh selama sepuluh (10) bulan pelaksanaan (seperti di dalam JADUAL 1).

Fasa 1 3 kali pembayaran	Bayaran akan diproses setelah mendapat laporan output yang lengkap dilaksanakan beserta <u>6,000 syarikat</u> yang telah diperakukan ke dalam sistem eSPO.
Fasa 2 3 kali pembayaran	Bayaran akan diproses setelah mendapat laporan output yang lengkap dilaksanakan beserta <u>6,000 syarikat</u> yang telah diperakukan ke dalam sistem eSPO.
Fasa 3 4 kali pembayaran	Bayaran akan diproses setelah mendapat laporan output yang lengkap dilaksanakan beserta <u>8,000 syarikat</u> yang telah diperakukan ke dalam sistem eSPO.

2. Pembekal bersetuju untuk mengemukakan dokumen sokongan berkaitan yang lengkap dalam tempoh yang ditetapkan bagi memastikan kelancaran proses Pembayaran.

